

Bangunan baharu FPTP naik semangat warga fakulti

BATU PAHAT 25 Feb. - Perasmian bangunan baharu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memberi impak positif kepada warga fakulti terbabit termasuk penuntut dan warga kerjanya.

Dekan FPTP, Prof. Madya Sr. Dr. Daud Juanil berkata, setelah berpindah ke bangunan baharu, para penuntut dan kakitangan fakulti itu dilihat lebih bersemangat memikul tanggungjawab masing-masing.

"Jika beberapa tahun yang lalu para penuntut menghadiri kelas di kampus bandar yang terletak di kawasan perniagaan, fokus terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mudah terganggu.

"Tetapi setelah berpindah ke bangunan baharu yang serba lengkap, fokus mereka bertambah dan saya yakin para penuntut di fakulti ini akan dapat mencatatkan



DAUD JUANIL

keputusan lebih baik," katanya pada majlis perasmian bangunan baharu FPTP yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, di sini baru-baru ini.

Fakulti yang menawarkan pelbagai jurusan seperti Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah, Sarjana Sains Pengurusan Teknologi

Pembinaan dan Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi itu menempatkan seramai 1,926 penuntut.

Selain pelbagai kemudahan seperti kelas dan dewan kuliah, bangunan baharu itu turut menyediakan kawasan khusus yang bertujuan untuk menggalakkan para penuntutnya membudayakan amalan bernesarkan.

Daud berkata, dengan wujudnya bangunan baharu itu, suasana pembelajaran di dalam kawasan kampus itu dapat dirasai oleh mahasiswa dengan lebih menyeluruh.